

28 JUL 2000

Mahathir-perhimpunan

JANGAN TERIMA JEMPUTAN SERTAI DEMONSTRASI, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati orang ramai supaya tidak menyertai perhimpunan yang dirancang oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 4 Ogos ini di Kuala Lumpur pada hari Mahkamah Tinggi dijangka membuat keputusan berhubung kes liwat yang didakwa membabitkan bekas timbalan perdana menteri itu.

"Jangan terima jemputan mereka itu," katanya pada sidang media di akhir lawatan tiga hari ke Sabah.

Perdana Menteri berkata tindakan mengadakan perhimpunan seperti itu akan menjejaskan ekonomi negara lebih-lebih lagi kepada peniaga kecil yang berniaga di tepi jalan.

"Ini merupakan satu proses menganiaya orang yang miskin," kata Dr Mahathir ketika diminta mengulas rancangan oleh penyokong-penyokong Anwar seperti yang terdapat dalam Internet.

Beliau turut menegur pembabitan sesetengah mahasiswa institusi pengajian tinggi awam dalam kegiatan demonstrasi sedangkan mahasiswa institusi pengajian swasta lebih menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran.

Ketika ditanya mengenai tindakan kerajaan PAS Terengganu melarang wanita dari negeri itu menyertai tilawah al-Quran dengan alasan suara wanita itu aurat dan tidak boleh diperdengarkan kepada bukan mahram, Perdana Menteri berkata itu hanyalah tafsiran PAS semata-mata.

"Itu adalah hak mereka, itu interpretasi mereka apa yang dianggap sebagai aurat," katanya.

Beliau berkata Islam menegah umatnya termasuk lelaki dan wanita, meninggikan suara ketika bercakap tetapi larangan kerajaan Terengganu itu dikenakan hanya kepada kaum wanita.

"Seorang umat Islam yang baik tidak akan meninggikan suaranya, sama ada dia lelaki atau wanita, tetapi (larangan) ini dikenakan kepada wanita sahaja (kononnya) kerana ia boleh menimbulkan nafsu seseorang," katanya.

Dr Mahathir berkata majlis tilawah adalah satu perhimpunan yang tertib dan hadirin selalunya lebih tertumpu kepada mendengar bacaan ayat-ayat suci al-Quran.

"Saya ingat bila kita baca Quran, kita khusyuk tetapi nampaknya orang-orang PAS Terengganu...dia tak boleh dengar langsung orang wanita baca Quran," katanya.

-- BERNAMA

hak mai